

23 JUN 2002

PM JANGAN LETAK JAWATAN - KATA DAP SARAWAK

SIBU, 23 Jun (Bernama) -- Pengerusi DAP Sarawak Wong Ho Leng berkata tidak wajar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed melepaskan semua jawatan beliau sekarang.

Wong berkata, sebagai pemimpin yang diharapkan untuk membawa negara ke tahap kemajuan dan pemodenan yang lebih tinggi, beliau tidak boleh bertindak meletak jawatan.

Dr Mahathir merupakan bukan sahaja pemimpin negara tetapi juga pemimpin dunia ketiga, katanya mengulas pengumuman perdana menteri yang mahu melepaskan jawatan Presiden Umno, Pengerusi Barisan Nasional dan semua jawatan dalam parti, semasa menggulung perbahasannya pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 di Dewan Merdeka PWTC semalam.

Bagaimanapun pengumuman itu ditarik balik dalam masa sejam setelah dipujuk seluruh anggota Majlis Tertinggi Umno.

Wong berkata, "Dr Mahathir telah mencipta nama di peringkat antarabangsa...beliau telah menjalankan tugas dengan baik dan saya secara peribadi percaya beliau patut kekal."

Lagipun beliau belum benar-benar memilih pemimpin untuk menggantikannya, tambahnya.

Wong berkata, pengumuman penting seperti itu perlu dibuat di Parlimen dan bukan pada persidangan agung Umno.

-- BERNAMA

ESS HM